

02/04/1998

PM putuskan taraf 14 pendatang Acheh

KUALA LUMPUR, Rabu - Kementerian Dalam Negeri menyerahkan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, untuk membuat keputusan berhubung 14 pendatang asing tanpa izin Indonesia yang mencari suaka politik jika Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Bagi Orang Pelarian (UNHCR), memberi mereka taraf pelarian.

Timbalan Menteri Dalam Negeri, Datuk Tajol Rosli Ghazali, berkata Dr Mahathir selaku Menteri Dalam Negeri, akan memutuskan pendirian Kerajaan Malaysia jika UNHCR berpihak kepada pendatang berkenaan.

Bagaimanapun, katanya, setakat ini kerajaan tidak mengiktiraf mereka sebagai pelarian politik, sebaliknya setaraf dengan pendatang tanpa izin lain kerana mereka memasuki Malaysia tanpa sebarang dokumen.

Kini, kementerian berkenaan masih menunggu laporan lengkap dari Wisma Putra berhubung kejadian itu.

"Terpulang kepada menteri (Menteri Dalam Negeri) untuk memikirkannya, tetapi setakat ini itulah pendirian kita (tidak mengiktiraf)," katanya di sini, hari ini.

Beliau diminta mengulas kemungkinan UNHCR memberi taraf pelarian kepada 14 pendatang asing tanpa izin yang berlindung di pejabat UNHCR di Jalan Bukit Petaling, di sini, sejak Isnin lalu.

Mereka yang mendakwa sebagai pelarian politik Acheh, sedang berunding dengan UNHCR untuk mendapat status itu. Kumpulan berkenaan yang mendakwa melarikan diri dari depot tahanan Lenggeng, Negeri Sembilan, Khamis lalu, merempuh masuk kawasan UNHCR, Isnin lalu.

Setiausaha Bahagian Asia Tenggara dan Pasifik Selatan di Kementerian Luar, Mohd Arshad Hussain, ketika dihubungi berkata pegawai UNHCR masih berunding dengan mereka.

Sementara itu, menurut Timbalan Menteri Luar, Datuk Dr Leo Michael Toyad Malaysia tidak akan memberi suaka politik kepada mana-mana pendatang tanpa izin yang memasuki negara ini.

"Sebelum ini pun, Malaysia tidak pernah memberi suaka politik bagi melindungi mana-mana pelarian dari negara asing," katanya kepada pemberita selepas majlis penyampaian bantuan kemanusiaan kepada mangsa gempa bumi di Afghanistan.

(END)